

Nasional

Majlis Konvokesyen UMP Ke-14

3,778 bakal terima ijazah, diploma

Seri Paduka berkenan sempurnakan pengurniaan sesi pertama

Oleh Shahrinnahar Latib
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Seramai 3,778 pelajar Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Konvokesyen UMP Ke-14 di Dewan Kompleks Sukan Universiti, UMP Kampus Gambang, esok dan lusa.

Majlis membabitkan seramai 235 graduan doktor falsafah (PhD) dan sarjana serta 2629 graduan sarjana muda dan diploma, selain 914 graduan UMP 'Advanced Education'.

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang juga Canselor UMP, berkenan berangkat mengurniakan ijazah serta



Tahun ini, UMP turut perkenal empat anugerah baharu bagi graduan cemerlang.

Wan Azhar Wan Yusoff,
Naib Canselor UMP

anugerah kecemerlangan pada sesi pertama konvokesyen.

Naib Canselor UMP, Prof Ir Dr Wan Azhar Wan Yusoff, berkata majlis juga bakal menyaksikan Tan Sri Abi Musa Asaari Mohamed Nor dimasyhurkan sebagai Pro-Canselor UMP.

"UMP juga akan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Teknologi Maklumat kepada Pengerusi Eksekutif Heitech

Padu Berhad yang juga bekas Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd Hilmey Mohd Taib.

"Ia sebagai pengiktirafan terhadap ketokohan, sumbangan dan kepimpinan beliau dalam lapangan pentadbiran, transformasi organisasi, teknologi dan inovasi serta pembangunan, khususnya di universiti selama ini," katanya dalam satu kenya-



Abi Musa Asaari Mohamed Nor



Mohd Hilmey Mohd Taib

taan, semalam.

Tahun ini, katanya, UMP turut memperkenalkan empat anugerah baharu bagi graduan cemerlang.

Ia adalah Anugerah Kecemerlangan Malakoff Corporation Sdn Bhd, Anugerah Kecemerlangan Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Farmaseutikal) Dato' Majid Mohamad, Hadiah Kecemerlangan Yayasan Sabah dan Anugerah Kecemerlangan UMP Holdings Sdn Bhd.

"Seramai 32 graduan bakal menerima anugerah dan hadiah kecemerlangan pada sesi pertama. Selain itu, 52 graduan lagi dari program dwi-ijazah hasil kerja-

sama UMP dengan Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman dan Reutlingen University, Jerman.

"Buat julung kali, ada 35 graduan sulung Diploma Profesional Pengurusan Bakat Berasaskan Kompetensi terdiri daripada personal yang terbabit secara langsung dengan inisiatif pengurusan dan pembangunan bakat kepimpinan di Kementerian Pendidikan," katanya.

Sempena konvokesyen kali ini, turut diadakan program Bicara Naib Canselor dengan tema 'Pendidikan Untuk Semua' pada jam 8 malam ini bertempat di Zenith Hotel, di sini.